

20/02/1998

Guna hasil R&D lahirkan usahawan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Pembangunan Usahawan akan menubuhkan pusat pertukaran maklumat bagi memanfaatkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan yang terbabit dalam industri berteknologi tinggi.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata langkah itu perlu kerana banyak hasil R&D tidak digunakan oleh usahawan, sedangkan negara ini ada banyak agensi terbabit secara khusus dalam penyelidikan.

Menurutnya, kementerian beriltizam melahirkan lebih ramai usahawan demikian terutama di kalangan Bumiputera dalam bidang pembuatan, pemprosesan hasil pertanian dan teknologi maklumat (IT).

Mustapa hari ini berbincang dengan 70 wakil agensi terbabit dalam R&D termasuk Mimos, Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), institut pengajian tinggi (IPT) dan Mardi di kementerian itu.

"Perbincangan berbentuk sumbang saran itu menghasilkan beberapa cadangan untuk memanfaatkan hasil penyelidikan berkenaan.

"Setakat ini, masih belum ramai usahawan yang memanfaatkan sepenuhnya hasil R&D dan menyebabkan perbelanjaan terhadap penyelidikan itu tidak digunakan," katanya selepas menghadiri jamuan Aidilfitri Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalannya, Idris Jusoh; Pengerusi Bank Pembangunan, Datuk Ahmad Zabri Ibrahim dan Pengarah Urusan bank itu, Datuk Nik Ibrahim Abdullah.

Mustapa berkata, pada peringkat permulaan, kementerian akan mengenal pasti beberapa produk yang boleh dikomersilkan sebelum mengajak usahawan terbabit dalam bidang itu.

"Kita pasti boleh melahirkan ramai usahawan jika pasukan bersepadu boleh dibentuk dan semua sumber digembleng bagi menghasilkan keuntungan," katanya.

Menurutnya, kementerian akan turut membantu dalam pemasaran produk berkenaan, selain menyalurkan modal kepada usahawan berminat dan berkemampuan.

Katanya, pembabitan usahawan memanfaatkan hasil R&D selaras gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya lebih banyak syarikat sanggup menyediakan peruntukan dalam R&D.

(END)